



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI PULAU PINANG**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

**MENAIKTARAF SISITEM SALIRAN PARIT D3,  
SIMPANG AMPAT,SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. SEBUTHARGA :**

**JPS/SPS/N/SH/PB/28-2011**



Jurutera Daerah  
Seberang Perai Selatan  
Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi  
14200 Seberang Perai Selatan



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN  
PULAU PINANG**

**Tajuk Kerja : MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN PARIT D3,  
SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. Sebutharga : JPS/SPS/N/SH/PB/28-2011**

**Isi Kandungan**

<b>Bil</b>	<b>Keterangan</b>
<b>1</b>	<b>Kenyataan Sebutharga</b>
<b>2</b>	<b>Dokumen A – Arahan Kepada Kontraktor Lampiran A1- Surat Akuan Pembida. Lampiran A2- Surat Akuan Pembida Berjaya.</b>
<b>3</b>	<b>Dokumen B – Syarat-Syarat sebutharga</b>
<b>4</b>	<b>Dokumen C – Borang Sebutharga</b>
<b>5</b>	<b>Dokumen D – Jadual Kadar Harga</b>
<b>6</b>	<b>Dokumen E – Kehendak Permulaan Dan Syarat-Syarat Am</b>
<b>7</b>	<b>Spesifikasi</b>
<b>8</b>	<b>Pelan Punca</b>
<b>9</b>	<b>Pelan Tapak dan Cadangan Pembedung Berkotak</b>

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN



KENYATAAN SEBUTHARGA

1. **Sebutharga** adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

No. SEBUTHARGA	TAJUK KERJA
JPS/SPS/N/SH/PB/28-2011	MENAIKTARAF SISITEM SALIRAN PARIT D3, SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN

2. **Kontraktor-kontraktor** yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan :
- i. **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam KELAS F di bawah Kepala 1, Sub-kepala 7(a), 7(b);
  - ii. **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**
  - iii. **Berdaftar di bawah e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang**
3. **Segala maklumat berkaitan Sebutharga** boleh didapati semasa waktu pejabat di Pejabat Jurutera Daerah JPS Seberang Perai Selatan, Tingkat.3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi mulai dari 06hb MEI hingga 13hb MEI 2011.
4. **Dokumen Sebutharga** boleh diperolehi dari laman web e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
5. **Lawatan ketapak pembinaan** adalah **DIWAJIBKAN** dan akan dibuat pada 06 MEI 2011 jam 9.30 pagi. Hanya tuan lesen kontraktor dipelawa untuk menyertai lawatan tapak dan hendaklah melaporkan diri di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Selatan pada tarikh dan waktu tersebut.
6. **Sebutharga ini akan ditutup** pada 13 MEI 2011. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Seberang Perai Selatan, Tingkat 3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi, tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut. **RESIT PEMBELIAN HENDAKLAH DIKEPILKAN BERSAMA BORANG SEBUTHARGA.**

.....  
**Jurutera Daerah**  
**JPS Seberang Perai Selatan.**

**ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR**

**1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

**2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

**2.1 Penyediaan Sebutharga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang Sebutharga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

**2.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga**

(a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga No. JPS/SPS/N/SH/PB/28-2011 serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.

(b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

(c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, terbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

(d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

### **2.3 'Integrity Pact'**

- a) **Penyebut harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti dilampiran A bersama-sama dengan \*Dokumen Sebutharga dimana ia berwaad untuk tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran tersebut. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.**
- b) **Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebutharga peringkat pertama. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh pegawai syarikat yang bertauliah, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.**
- c) **Kontraktor yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di lampiran B beserta dengan \*Surat Setujuterima / Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani dimana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.**

### **2.4 Penjelasan Lanjut**

**Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.**

## **3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

**Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.**

## **4. TEMPOH SAH SEBUTHARGA**

**Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.**

## **5. TEMPOH BANTAHAN**

**Tempoh bantahan adalah ditetapkan selama 7 hari.**

**SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN**

**1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA**

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

**2. BON PERLAKSANAAN/INSURANS**

- (a) Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga Sebutharga dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Bank Islam, Jaminan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bank Berhad, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful atau memilih Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% harga sebutharga. (bagi nilai sebutharga melebihi RM 50,000.00)
- (b) Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam \* dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah pasal 9(d).

**3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA**

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

**4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

*\*Potong jika tidak diperlukan*

**5. SUB-SEWA DAN MENYERAHKAN KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengasub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain, kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah dibawah Inden Kerja tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

**6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN**

Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

**7. RINGKASAN SEBUTHARGA**

- (i) Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- (ii) Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurnanya.
- (iii) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harta akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.
- (iv) Harga-harga dalam ringkasan sebutharga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tetakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam ringkasan sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden kerja dikeluarkan.
- (v) Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga menurut perenggan (iv) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

**8. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA**

Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

**9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan;

- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah: dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap atau muflis.

**10. KERJA PERUBAHAN**

- (a) Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan Pegawai Inden atau disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebutharga ini.
- (b) Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ringkasan sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

**11. TEMPOH LIABILITI KECACATAN**

Kontraktor hendaklah membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain dalam tempoh Liabiliti Kecacatan, iaitu 6 bulan dari penyiapan kerja bagi nilai kerja kurang daripada RM50,000.00 dan 12 bulan bagi nilai kerja melebihi RM50,000.00.

**12. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak undang-undang kecil dan undang berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

**13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan mengembalikan Inden Kerja Asal.



**BORANG SEBUTHARGA**

No. Sebutharga : JPS/SPS/N/SH/PB/28-2011

Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Seberang Perai Selatan,  
Tingkat 3, Kompleks Pejabat Kerajaan,  
14200 Sungai Jawi.

Tuan,

Sebutharga Untuk :

**MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN PARIT D3,  
SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN**

---

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak

Ringgit Malaysia.....

(RM .....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam masa ..... minggu dari tarikh mula kerja seperti yang di ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada ..... haribulan .....20.....

.....  
(Tandatangan Pentender)

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh : .....

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

Alamat : .....

.....

.....

Atas sifat : .....

.....

.....Meteri atau Cop Syarikat

**JADUAL KADAR HARGA**

**MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN PARIT D3,  
SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN**

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
1.	<p>Kehendak kerja-kerja permulaan sebagai mana yang ditetapkan dalam kerja-kerja JPS, antaranya:</p> <p>a) Polisi Tanggungan Awam, Pekerja. b) Jalan masuk dan kerja lain yang berkaitan. c) Membaiki tapak kerja selepas siap d) Gambar-gambar saiz 4R sebelum, semasa dan selepas dibuat Profile gambar kerja. e) Gambar-gambar disimpan dalam satu CD.</p>	Harga Pukul		.....	.....
2.	<p>Menyediakan segala keperluan tenaga buruh, mesin dan lain-lain peralatan bagi melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran Parit D3, Simpang Ampat, SPS seperti berikut:-</p> <p>i. Membekal mesin jengkaut untuk mendalam Parit D3, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan daripada rantaian 0m ke 2,600m.</p>	Meterpadu	10,850	.....	.....
	<b>JUMLAH HARGA DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA:</b>				

(Ringgit Malaysia :..... )

Kuantiti ini adalah hanya sebagai panduan sahaja kepada kontraktor dan Jabatan, ini tidak menjamin ketepatannya. Kerja-kerja adalah mengikut Sebutharga dan Spesifikasi yang dikepilkan serta arahan Pegawai Penjaga.

## KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM

1	Skop Kerja	1.1 Kerja yang diliputi dalam Sebutharga ini adalah kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Parit D3, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan. Kesemuanya mengikut kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa yang kemudian ini disebut sebagai P.P.
2.	Tempat Letak Tapakbina	2.1 Tapakbina ini terletak di Parit D3, Kawasan Valdor, Seberang Perai Selatan.
3.	Harta Benda Yang Bersebelahan	3.1 Dimana harta benda yang bersebelahan dengan tapak kerja sentiasa digunakan oleh Majikan/tuanpunya-tuanpunya dan penghuni-penghuni yang bersebelahan. Kontraktor hendaklah mengatur dan menjalankan kerja itu dengan gangguan atau halangan yang minimum kepada penggunaan harta benda yang bersebelahan itu termasuk jalan-jalan, lorong-lorong jalankaki, lain-lain laluan dan sebarang, perkhidmatan di situ. Dia hendaklah menurut segala arahan atau petunjuk yang diberikan oleh P.P. di dalam hal-hal ini.
4.	Laluan Dan Jalan Sementara	4.1 Kontraktor hendaklah mengada dan menyenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan di dalam kawasan tapak kerja sepanjang mana yang diperlukan mengikut yang diluluskan oleh P.P. Lokasi laluan ke tapak kerja yang akan dibuat hendaklah seperti yang ditandakan di atas pelan tapak kerja atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P. dan Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaannya sendiri.
5.	Saliran Tapakbina	5.1 Kontraktor hendaklah mengadakan saluran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapak bina.  5.2 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntukkan, membentuk, memasang dan menyenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saluran tapakbina yang sepatutnya supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan disekeliling kerja atau kepada kerja di sepanjang tempoh sebutharga ini.


6.	<b>Pekerja-Perkerja Dibataskan Ditapakbina</b>	6.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab supaya semua orang di bawah kawalannya, termasuk mereka yang bekerja dengan Kontraktor – Kontraktor Kecil, pembekal-pembekal dan pengangkut-pengangkut dibataskan ditapak kerja dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan kerosakan dan apa jua gangguan dan hendaklah melepaskan tanggungan Kerajaan terhadap sebarang tuntutan yang timbul darinya.
7.	<b>Pengambilan Kerja Buruh Tempatan Sub-Kontraktor</b>	7.1 Semua buruh dan Sub-Kontraktor yang digunakan untuk kerja ini hendaklah diambil dari daerah atau negeri di mana kerja itu terletak. Kontraktor hendaklah sebaik sahaja selepas mengambil pemilikan tapakbina, berurus dengan Pejabat Buruh Tempatan, Pegawai Daerah atau Penghulu untuk pengambilan mereka bekerja. Dalam mana-mana keadaan sekalipun Kontrak tidak dibenarkan menggunkan buruh-buruh dan Sub-Kontraktor yang diimport melainkan P.P berpuashati bahawa mereka tidak boleh diperolehi didalam daerah atau negeri yang berkenaan.
8.	<b>Butir-Butir Pekerja</b>	8.1 Kontraktor hendaklah memberi kepada P.P. menyenggara dan mengemaskinikan satu senarai mengandungi semua pekerja-pekerjanya termasuk kesemua pekerja yang diambil bekerja oleh Sub-Kontraktor atau kesemua butiran di dalam borang yang dinyatakan di dalam Lampiran yang berkenaan pada Spesifikasi ini.
9.	<b>Gambar Foto Kemajuan Kerja</b>	9.1 Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar digital bersaiz 4R foto digital tersebut hendaklah dicatitkan dengan tajuk dan tarikh ianya diambil. Kontraktor hendaklah juga membekalkan album yang sesuai untuk simpanan gambar tersebut dengan kemajuan kerja pada setiap peringkat-sebelum, semasa dan selepas siap projek sepertimana yang diarahkan oleh P.P. Kontraktor juga hendaklah membakar satu salinan dalam bentuk CD untuk simpanan rekod jabatan.

## **SPESIFIKASI**


### **MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN PARIT D3, SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN**

- 1. Tender ini adalah termasuk menyediakan segala tenaga manusia, mesin jengkaut & segala alat perkakas untuk kerja mendalamkan Parit D3 daripada Rantaian 0m hingga ke 2,600m di Kawasan Kawasan Valdor ke Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan. Segala tumbuhan dan sebarang pokok yang tumbuh di parit ini hendaklah di bersihkan dan dibuang.**
- 2. Kontraktor hendaklah mengorek tanah dan membuang segala sampah-sarap yang terdapat di dalam sepanjang parit yang berikut dan membuang dan meratakan tanah buangan di kiri atau kanan parit ini.**
- 3. Kontraktor hendaklah sentiasa menyediakan saliran yang alternatif supaya tidak berlaku masalah banjir.**
- 4. Kontraktor perlu memeriksa dengan kos sendiri semua laluan kabel elektrik, telefon dan paip air untuk mengelakkan sebarang kerosakan ketika kerja-kerja dilaksanakan. Untuk itu, kontraktor perlu berurusan dengan dengan pihak berkuasa berkenaan seperti TELEKOM, TNB dan PBA untuk mendapatkan kedudukan sebenar laluan kabel dan paip air.**
- 5. Segala kerja-kerja yang dijalankan hendaklah mematuhi arahan dari Pegawai Penjaga.**

# PELAN LOKASI TAPAK PROJEK



## TAPAK CADANGAN



**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Bagi**

**Tajuk Sebutharga:** **MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN PARIT D3,  
SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. Sebutharga:** **JPS/SPS/N/SH/PB/10-2011**

Saya, ..... nombor K.P. .... yang mewakili

.....

Nombor pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; atau penamatan kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; dan lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....

.....

Nama:

Nama:

No. K.P:

No KP:

Cop Syarikat:

**Cacatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan**

**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

**Bagi**

**Tajuk Sebutharga: MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN PARIT D3,  
SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. Sebutharga: JPS/SPS/N/SH/PB/10-2011**

Saya, ..... nombor K.P. .... yang mewakili  
.....

Nombor pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- a. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; atau
- b. penamatan kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; dan
- c. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....

.....

Nama:

Nama:

No. K.P:

No KP:

Cop Syarikat:

**Cacatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan**



## A. Rekod Pengalaman Kontraktor

Bil.	Nama Projek	Jabatan/ Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

*\*Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari jabatan/agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan*

## B. Senarai Kerja-kerja Dalam Tangan

Bil.	Nama Projek	Jabatan/ Agensi Yang Mengawas Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek	
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap

*\*Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari jabatan/agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan*